

NO. SOALAN: 380

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM]

RUJUKAN : 10247

SOALAN :

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik permohonan E-Kad dari mula sehingga tamat tempoh, kos yang terlibat oleh Kerajaan serta bayaran yang dikenakan oleh TIGA buah syarikat swasta untuk pemprosesan "rehiring" berkaitan E-Kad tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bermula pada 1 Julai 2017, JIM telah melancarkan Operasi Penguatkuasaan secara besar-besaran (OPS Mega) bagi memburu pihak majikan dan PATI yang degil dan ingkar untuk mematuhi undang-undang dan peraturan di negara ini. Operasi penguatkuasaan ini dijalankan secara berterusan tanpa henti dan pihak majikan serta PATI yang ditangkap dalam operasi akan dikenakan tindakan yang tegas.

Melalui pelaksanaan Ops Mega, bermula 1 Julai sehingga 24 Julai 2017, sebanyak 1,066 buah premis dan seramai 14,585 orang telah diperiksa. Daripada jumlah tersebut, seramai 4,576 orang PATI telah ditahan atas pelbagai kesalahan Imigresen seperti tiada dokumen pengenalan diri, tinggal lebih masa, salah guna pas. Pada masa yang sama, majikan juga turut ditahan atas kesalahan menggaji dan melindungi PATI.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]**

SOALAN : 381

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan keuntungan Pelabuhan Pulau Pinang dari tahun 1990 sehingga 2016 serta kerugian/keuntungan perkhidmatan feri dalam tempoh yang sama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Pelabuhan Pulau Pinang telah diswastakan pada tahun 1993 kepada Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) yang dimiliki 100% oleh Menteri Kewangan DiPerbadankan (MKD). Pada 21 November 2013, satu Perjanjian Penswastaan Tambahan ditandatangani di antara Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. (SPT) dan Kerajaan selepas MKD menjual ekuiti PPSB kepada SPT. Tempoh konsesi SPT adalah selama 30 tahun.

Perincian bagi keuntungan Pelabuhan Pulau Pinang dari tahun 1990 sehingga 2016 adalah sepertimana di **Jadual 1**. Manakala perincian kerugian/keuntungan perkhidmatan feri dari tahun 2002 sehingga 2016 adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 1: Keuntungan Pelabuhan Pulau Pinang
(1990 sehingga 2016)**

TAHUN	JUMLAH KEUNTUNGAN (RM JUTA)
1990	26.38
1991	28.97
1992	37.16
1993*	24.14
1994	41.48
1995	32.12
1996	22.03
1997	22.85
1998	(8.17)
1999	30.07
2000	31.95
2001	27.57
2002	15.05
2003	16.31
2004	19.43
2005	7.67
2006	12.68
2007	28.60
2008	6.07
2009**	6.36
2010	11.11
2011	0.18
2012	(15.83)
2013***	(9.12)
2014****	0.85
2015	11.33
2016	16.45

1993* - Penswastan operasi Pelabuhan Pulau Pinang pada 31 Disember 1993.

2009** - Pembukaan lorong ketiga Jambatan Pulau Pinang.

2013*** - Penswastan SPPP: PPSB diambil alih oleh Seaport Terminal pada 21 November 2013.

2014****- Pembukaan Jambatan Kedua Pulau Pinang.

Nota - Pelabuhan Pulau Pinang mengalami kerugian pada tahun 1998, 2012 dan 2013.

Jadual 2: Keuntungan dan Kerugian Perkhidmatan Feri Pulau Pinang (2002 sehingga 2016)

TAHUN	JUMLAH PENDAPATAN (RM JUTA)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM JUTA)	JUMLAH KERUGIAN (RM JUTA)
2002	14.3	28.5	(14.2)
2003	15.4	28.2	(12.8)
2004	15.4	27.9	(12.5)
2005	16.9	30.2	(13.3)
2006	18.2	29.9	(11.7)
2007	17.4	32.2	(14.8)
2008	17.2	43.1	(25.9)
2009*	16.5	34.0	(17.5)
2010	14.2	34.4	(20.2)
2011	12.9	33.1	(20.2)
2012	11.7	33.6	(21.9)
2013**	11.3	34.7	(23.4)
2014***	10.4	34.0	(20.4)
2015	10.2	33.2	(23.0)
2016	8.1	35.2	(27.0)

2009* - Pembukaan lorong ketiga Jambatan Pulau Pinang.

2013** - Penswastaaan SPPP: PPSB diambil alih oleh Seaport Terminal pada 21 November 2013.

2014*** - Pembukaan Jambatan Kedua Pulau Pinang.